



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI**  
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

## **SIARAN MEDIA**

### **MEDAC TELAH SALURKAN SEBANYAK 99.3% MELALUI PROGRAM PEMBANGUNAN TAHUN 2020 BAGI MEMBANTU USAHAWAN**

---

**PUTRAJAYA, 16 Disember 2020** – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), sehingga **7 Disember 2020**, telah menyalurkan peruntukan sebanyak **RM317.62 juta** atau **99.3%** daripada jumlah keseluruhan sebanyak **RM319.76 juta** yang telah diperuntukkan dibawah Belanjawan 2020.

Menurut Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, pencapaian ini adalah amat membanggakan kerana ia mencerminkan komitmen MEDAC serta agensinya dalam membantu kumpulan usahawan dinegara ini.

“Selain memberikan fokus terhadap program-program yang dijalankan oleh agensi, dari awal lagi, ketika mula memegang jawatan sebagai menteri, perkara utama saya tekankan adalah untuk menangani isu berhubung karenah birokrasi dan *red tapes* yang menjadi batu penghalang untuk kemudahan-kemudahan dan pembiayaan disalurkan dengan effisyen.

“Dari awal lagi saya telah tekankan untuk memudahkan proses-proses yang ada supaya lebih mudah untuk kami salurkan batuan kepada golongan usahawan –usahawan d seluruh negara,” kata beliau selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK).

Dalam usaha mempertingkatkan lagi prestasi, pihak pengurusan MEDAC akan terus mengambil tindakan – tindakan sewajarnya dalam mengenalpasti beberapa halangan dan penambahbaikan dalam usaha mempertingkatkan perkhidmatan penyampaian agensi di bawah MEDAC dalam usaha membantu rakyat.

“Walaupun saya amat berpuas hati dengan pencapaian tahun ini, saya ingin terus menyeru agar MEDAC serta agensi supaya jangan terlalu selesa dengan pencapaian ini dan perlu sentiasa membuat penambahbaikan terhadap proses permohonan supaya para usahawan lebih mudah untuk mendapatkan sebarang bentuk dana atau pembiayaan yang ditawarkan”, tegas beliau.

MTPK merupakan satu platform untuk memantau dan memastikan pelaksanaan program-program pembangunan Kementerian yang dibiayai di bawah Peruntukan Pembangunan Kerajaan Persekutuan berjalan lancar dan efisien. Langkah ini juga adalah bagi memastikan agenda pembangunan negara terutamanya yang terkandung dalam Dasar Keusahawanan Nasional 2030 dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Fokus pemulihan ini juga akan diteruskan dalam Rolling Plan Pertama (RP1) Rancangan Malaysia Kedua belas (RMKe-12) pada tahun 2021. Menerusi Belanjawan 2021, MEDAC telah menerima peruntukan sebanyak **RM548.7 juta** iaitu **RM192.4 juta** bagi peruntukan mengurus dan **RM356.3 juta** bagi program pembangunan.

Peruntukan bagi pembangunan usahawan dalam belanjawan 2021 adalah merentasi (*cut across*) kementerian dan agensi di Malaysia. Oleh itu, peruntukkan yang diumumkan kepada MEDAC dalam belanjawan 2021 adalah hanya sebahagian kecil daripada keseluruhan peruntukan untuk usahawan dan koperasi di Malaysia.



Bagi merealisasikan agenda keusahawanan dan koperasi negara tercapai sepenuhnya, MEDAC akan meningkatkan perkongsian strategik dengan Kementerian lain seperti yang digariskan dalam Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030).

## **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**